

Mahkamah tolak permohonan Tun M

SHAH ALAM: Permohonan Tun Dr. Mahathir bagi mendapatkan dokumen berhubung kes saman fitnah terhadap Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ditolak Mahkamah Tinggi, di sini, semalam dengan kos RM2,000.

Keputusan tersebut dibuat Pesuruhjaya Kehakiman, Zaharah Hussain yang memutuskan demikian selepas peristiwa-peristiwa yang dipetik Anwar (defendan) berlaku beberapa tahun lalu dan tidak direkodkan.

“Keputusan saya adalah mahkamah menolak permohonan dalam Lampiran 17 (permohonan Plaintiff untuk penzahiran dokumen-dokumen dalam Pembelaan oleh Defendan) dengan kos seban-

yak RM2,000.

“Alasan ringkas iaitu bahawa yang dinyatakan dalam Pembelaan Terpinda adalah mengenai suatu acara atau peristiwa yang berlaku pada masa yang lalu tetapi tanpa dinyatakan sesuatu dokumen.

“Walau bagaimanapun sekiranya ada dokumen-dokumen yang dinyatakan itu akan menjadi pembelaan defendan dan perlu dikemukakan semasa PTCM (pre trial case management). Itu alasan ringkas saya,” katanya, semalam.

Antara dokumen yang dipohon bekas Perdana Menteri itu adalah berkaitan dakwaan Konsortium Perkapalan Bhd (KPB) yang diselamatkan oleh Petronas dan Perbadanan Perka-

palan Antarabangsa Malaysia (MISC) pada 1997 serta pemberian kontrak kepada Opcom Cables Sdn. Bhd. oleh Telekom Malaysia Bhd. pada 2003.

Dr. Mahathir selaku plaintif diwakili peguam Rafique Rashid dan Akif Rusli sementara peguam Aliff Benjamin Suhaimi dan Phoebe Looi pula mewakili Anwar.

Mahkamah kemudian menetapkan 3 November ini bagi pengurusan kes untuk kedua-dua pihak memaklumkan permohonan interlokutori lain.

Pada 5 Mei lalu, Dr. Mahathir memfailkan saman fitnah dan menuntut ganti rugi RM150 juta terhadap Ahli Parlimen Tambun itu berhubung dakwaan dibuat bekas timbalan-

nya itu bahawa beliau menggunakan kedudukannya untuk memperkayakan diri, keluarga dan bersifat rasis.

Dakwaan tersebut dikatakan dibuat oleh Presiden PKR itu ketika berucap semasa ucapan dasar pada Kongres Nasional 2023 parti berkenaan pada 18 Mac lalu.

Bekas Perdana Menteri Ke-4 dan Ke-7 itu mendakwa kenyataan Anwar itu telah mencalar imejnya sebagai negarawan dan individu yang pernah berada di tampuk pemerintahan pada 1981 hingga 2003 dan 2018 hingga 2020.

Justeru, bekas Ahli Parlimen Langkawi itu menuntut ganti rugi am sebanyak RM50 juta dan teladan, RM100 juta.